

LAPORAN - CINA

1981

KUALA LUMPUR, 17 DIS. (BERNAMA)--JABATAN PERDANA MENTERI HARI INI MENAFIKAN LAPORAN AKHBAR YANG MENYEBUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI BERKATA BAHAWA RISALAH YANG BERCORAK PERKAUMAN YANG SEDANG DIEDARKAN DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU TELAH DITERBITKAN OLEH SEKUMPULAN ORANG-ORANG CINA.

LAPORAN ITU ADALAH TIDAK BENAR, TEGAS JABATAN ITU DALAM SATU KENYATAAN HARI INI.

KENYATAAN ITU MENJELASKAN APA YANG SEBENARNYA DINYATAKAN OLEH PERDANA MENTERI IALAH RISALAH ITU KONONNYA SATU TERJEMAHAN KE DALAM BAHAWA MALAYSIA DARI NASKAH ASAL YANG BERBAHASA INGGERIS, YANG KONONNYA DITULIS OLEH SEKUMPULAN ORANG CINA.

+SEBENARNYA TIDAK ADA SEBARANG BUKTI BAHAWA RISALAH ITU DITULIS OLEH ORANG-ORANG CINA ATAU DIEDARKAN DI KALANGAN ORANG-ORANG CINA,+ TAMBAH KENYATAAN ITU. --BERNAMA 1910/AH